

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 JUN 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 11

Ambil kira pelbagai faktor nilai garis kemiskinan

Ambil kira pelbagai faktor nilai garis kemiskinan



Pensyarah Fakulti
Perniagaan dan
Ekonomi, Universiti
Malaya

Oleh Prof Madya Dr Mohd Edil Abd Sukor
bhrencana@bh.com.my

Sesetengah ahli ekonomi berpendapat pengelasan pendapatan berdasarkan kategori B40, M40, dan T20 adalah kurang wajar kerana kaedah ini bersandarkan kepada jumlah pendapatan isi rumah secara kasar semata-mata tanpa melihat komitmen di-tanggung mereka.

Dalam menilai garis kemiskinan, pelbagai faktor seharusnya diambil kira termasuk saiz keluarga dan kuasa beli sesebuah isi rumah.

Baru-baru ini Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli mengumumkan mulai 2024 kerajaan bercadang menghapuskan pengelasan pendapatan berdasarkan kategori B40, M40, dan T20 dan beralih kepada pengelasan mengikut pendapatan bersih boleh guna.

Menurut beliau, pendapatan boleh guna atau turut dikenali sebagai pendapatan selepas ditolak cukai dapat memberi gambaran lebih baik mengukur kemampuan kewangan sesebuah isi rumah untuk berbelanja, menyimpan dan membuat pelaburan.

Namun, pengelasan berdasarkan pendapatan ka-

sar mahupun pendapatan boleh guna mempunyai kelebihan dan kekurangannya tersendiri. Contohnya, pengelasan melalui pendapatan kasar seperti B40, M40, dan T20 dilihat lebih mudah untuk dikira kerana ia mewakili jumlah pendapatan diperolehi isi rumah sebelum sebarang potongan dibuat.

Ukur keupayaan isi rumah jana pendapatan

Selain itu, pengelasan ini juga dapat mengukur keupayaan sesebuah isi rumah menjana pendapatan. Maklumat ini diperlukan sebagai tanda aras kepada prospek kerjaya serta peluang pekerjaan di sesebuah negara.

Pengelasan isi rumah melalui pendapatan kasar juga turut berperanan dalam penetapan dasar cukai negara, selain menjadi ukuran asas kepada penunjuk makroekonomi seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG).

Bagaimanapun, adalah penting untuk kita sedari bahawa pengelasan isi rumah berdasarkan pendapatan kasar seperti B40, M40, dan T20 adalah kurang berkesan dalam mengenal pasti ketidakseimbangan atau jurang pendapatan dalam sesebuah masyarakat.

Itu tidak mengambil kira kos sara hidup berbeza bagi setiap isi rumah seperti jumlah tanggungan

mereka. Oleh itu, pengelasan berdasarkan pendapatan boleh guna seperti dicadangkan dilihat mampu menjadi kayu ukur yang lebih realistik mengenai kuasa beli sesebuah isi rumah.

Contohnya, seorang bapa di Kuala Lumpur mempunyai 10 anak mungkin dikategorikan sebagai T20 berdasarkan pendapatan kasarnya. Namun, status bapa mempunyai komitmen keluarga sangat tinggi ini boleh berubah kepada kategori B40 berdasarkan pengelasan melalui pendapatan boleh guna.

Walaupun pengelasan melalui pendapatan boleh guna dilihat lebih kompleks dan sukar, pengelasan ini dilihat mampu memberikan perspektif lebih komprehensif dan tepat mengenai situasi kewangan serta kuasa beli sesebuah isi rumah.

Justeru, pelbagai faktor termasuk saiz keluarga, kos sara hidup serta kuasa beli perlu dipertimbangkan dalam menilai garis kemiskinan sesebuah isi rumah.

Tidak semestinya kuasa beli mereka berpendapatan tinggi adalah tinggi. Pendekatan baharu dicadangkan kerajaan untuk pengelasan isi rumah mengikut pendapatan boleh guna wajar disokong.

Pendekatan ini dilihat dapat membantu meminimumkan kesilapan dalam perkara berkaitan pemberian bantuan atau subsidi.